

Kata kunci:
Cinta
Mengamalkan
Zahir



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

14 Ogos 2026 / 1 Rabiulawal 1448H

Kecintaan kepada Nabi Muhammad s.a.w.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي هَدَانَا لِهٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا اَنْ هَدَانَا اللّٰهُ. اَشْهَدُ اَنْ
لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِينَ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا
عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ. قَالَ تَعَالٰى فِي التَّزْوِيْلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ
حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تُمُوتُنَّ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Hanya dengan ketakwaan, kita bakal meraih kejayaan kelak.

Saudara yang dikasihi sekalian,

Jika ditanya: "adakah kita benar-benar **mencintai** Nabi Muhammad s.a.w.?" Kita pasti akan menjawab, ya, tanpa perlu berfikir panjang. Sehubungan itu, khutbah hari ini mengajak sekalian yang hadir, merenung soalan berikut: "**bagaimanakah kita menzahirkan cinta kepada Baginda s.a.w.?**" "Adakah

*tindak-tanduk kita mencerminkan yang **cinta** itu berjaya melepasi batasan lisan?”*

Saudara yang dihormati,

Kita **menzahirkan cinta** kepada Nabi Muhammad s.a.w. dengan cara yang berbeza. Ada yang gigih **mengamalkan** sunnah-sunnah harian. Ada yang suka mengalunkan qasidah memuji Baginda s.a.w. Ada juga yang menggayakan ajarannya menerusi tutur kata mahupun perbuatan. Kesimpulannya, apa pun cara kita **menzahirkan cinta** kepada Nabi Muhammad s.a.w., teruskanlah selagi ia masih berada dalam batasan syarak.

Khutbah juga ingin menggariskan agar sifat **cinta** ini turut **dizahirkan**, ketika kita sendirian mahu pun ketika bersama keluarga, teman sedarjah atau sepejabat, bahkan ketika berada di tempat-tempat awam. Kerana semua itu sebahagian daripada didikan Baginda s.a.w. dan menjadi cerminan agama Islam.

Saudara yang dikasihi,

Allah s.w.t. telah berfirman dalam Surah At-Taubah, ayat ke-24:

قُلْ إِنْ كَانَ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ
أَقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِينُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِّنَ اللَّهِ
وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ
الْفَاسِقِينَ ﴿٢٤﴾

*“Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai; (jika semua itu) lebih kamu **cintai** daripada Allah dan Rasul-Nya dan (daripada) bermujahadah di jalan-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya. Dan Allah tidak memberi hidayah kepada orang-orang yang fasik.”*

Saudaraku, inilah peringatan daripada Allah, agar **kecintaan** kita kepada Nabi Muhammad s.a.w. mesti **dizahirkan** dalam kehidupan. Dengan ini, marilah kita renungkan tiga peringatan berikut, agar **kecintaan** kita kepada Baginda s.a.w. dibuktikan menerusi **amalan** dan gaya hidup.

Pertama: Mengenali dan mengamalkan sunnahnya

Bergurulah dengan guru yang bertauliah. Kenalilah dan **amalkanlah** sunnah-sunnah Rasulullah s.a.w., kerana yang demikian itu akan menyuburkan **kecintaan** kita kepada Baginda s.a.w. Semakin kita gigih **mengamalkannya**, semakin kita rasai keindahannya, dan semakin kita tergerak untuk mencari sunnah-sunnah lain untuk **diamalkan** dalam kehidupan kita.

Kedua: Mencintai Nabi Muhammad s.a.w. menerusi perbuatan adalah satu tanggungjawab

Renungkanlah peringatan Baginda s.a.w., bahawa mereka yang berilmu bakal dipersoalkan di akhirat nanti akan apa yang dilakukan dengan ilmu tersebut. (riwayat Imam At-Tirmizi) Ini mengingatkan kita bahawa setiap sunnah yang dipelajari, dan setiap pedoman yang kita perolehi daripada sirah Nabi Muhammad s.a.w., menjadi satu amanah yang akan dipertanggungjawabkan kelak. Kesedaran akan tanggungjawab ini akan membangun disiplin, agar kita terus mengikut panduan Baginda s.a.w. dalam segenap ruang kehidupan.

Ketiga: Mulakan dengan usaha-usaha kecil dan beristiqamah

Hadirin sekalian, **cinta** yang sejati kepada Baginda s.a.w. mestilah **dizahirkan** menerusi **amalan**. Dan kita boleh memulakannya menerusi sunnah-sunnah kecil yang **diamalkan** secara istiqamah sehingga ia menjadi sebahagian daripada gaya hidup, seperti memulakan setiap perbuatan yang baik dengan Bismilllah. Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud:

“Amalan yang paling disukai Allah ialah yang paling istiqamah, walaupun sedikit.” (Riwayat Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim)

Saudara yang dirahmati Allah,

Melalui khutbah ini, kita telah memahami bahawa jawapan kepada persoalan “*adakah kita benar-benar **mencintai** Nabi Muhammad s.a.w.?*” mesti melalui perjalanan yang lengkap,

daripada **cinta** yang dirasakan, diungkapkan dengan lisan, disusuli pula perbuatan dan **amalan**.

Justeru, bersama kita melangkah keluar dari masjid ini nanti dengan azam menghidupkan satu sunnah walau kecil sekalipun; sama ada dengan lebih murah senyuman, berlaku baik sesama kita, dan seumpamanya.

Sebagai penutup, dan bersempena dengan bulan Maulidurrasul, bulan **cinta** Rasul, saya mengakhiri khutbah pada hari ini dengan sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Hibban: Sayyidatuna Aisha r.a. pernah mendengar Rasulullah s.a.w. berdoa, yang bermaksud: *“Ya Allah, ampunkanlah bagi Aisha setiap dosa-dosanya yang lalu dan yang akan datang, yang dilakukan secara terang-terangan mahupun yang disembunyikan, yang besar mahupun yang kecil.”* Mendengar doa itu, Sayyidatuna Aisha r.a. berasa sangat gembira. Nabi s.a.w. pun berkata: *“Adakah kau gembira mendengar doaku tadi itu, wahai Aisha? Ketahuilah, itulah doaku untuk umatku pada setiap solat.”*

Maka marilah mengambil kesempatan ini untuk mengamalkan doa Nabi s.a.w. sebagai tanda **cinta** kita kepadanya. Semoga Allah s.w.t. menjadikan kita golongan yang benar-benar **mencintai** Nabi Muhammad s.a.w., dan semoga Allah menghimpunkan kita bersama Baginda s.a.w. di dalam syurga-Nya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْهُمْ وَمَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي غَزَّةٍ وَفِي فَلِسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ

فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اَللّٰهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ
لِلْعَالَمِ أَجْمَعِ يَا لَطِيف. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.